



LAPORAN KAJIAN DAN LUKISAN TERUKUR
RUMAH MELAYU TRADISI MAHMUD KAYA
LOT 214, JALAN DEWAN SULTAN SULAIMAN,
KAMPUNG BARU, KUALA LUMPUR



Deewan Bandaraya Kuala Lumpur
Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur
92 Jalan Raja
50050 Kuala Lumpur

© Hakcipta Deewan Bandaraya Kuala Lumpur

Penyelaras : Jawatankuasa Penerbitan
Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur, 2000/2001

Ketua Penyelidikan : Profesor Madya Dr. Mohamad Tajuddin Mohammad Rasdi

Semua Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam buku ini tidak
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam
cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun
dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
penggambaran semula, perakaman, ataupun
sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Deewan Bandaraya Kuala Lumpur.

ISBN:
Perpustakaan Negara Malaysia

Laporan dan Kajian Lukisan Terukir disediakan oleh:
Penyelaras Program : Raja Nafida bt. Raja Shahminan
Mohd. Saifuddin Mohammad Daham
Muhammad Redhuan Md. Hatta
Nik Muhammad Shahman Nik Ibrahim
Wan Norhayati Wan Ali



1.0 PENGENALAN

Sudah menjadi suatu kemestian bagi kita dalam melakukan sebarang tugas pasti ada pembuka bicaranya. Oleh itu kami ingin memaparkan agenda pengenalan yang bertanggungjawab memberi gambaran penuh segala perkara yang berkaitan Mukaddimah dengan laporan kajian ini pada keseluruhannya agar segala persoalan dan ketidakpastian akhirnya menemui jalan penyelesaiannya.

1.1 Mukaddimah

Seni warisan di negara ini merupakan sesuatu aset yang amat unik dan berharga untuk dikekalkan bagi tujuan tatapan generasi akan datang. Sememangnya di ketahui negara kita memang amat kaya dengan bahan-bahan tinggalan sejarah yang sudah menjangkau ratusan usianya.

Hasil daripada penghijrahan suku kaum lain serta penjajahan, ia telah meninggalkan kesan yang jelas dalam senibina

tempatan. Kedatangan pengaruh-pengaruh luar dari segi kepercayaan dan agama serta corak hidup yang pelbagai telah turut sama mewarnai corak senibina rumah-rumah Melayu lama iaitu juga lebih dikenali dengan panggilan rumah-rumah Melayu tradisional di Malaysia. Selain itu, kepelbagaian suku kaum dan etnik serta kaya dengan corak hidup dan adat resam menambahkan lagi keunikan senibina di Malaysia.

Dari pengkajian terhadap peninggalan bangunan tradisional itu, kita dapati bahawa kebanyakan daripada bangunan-bangunan yang bernilai tinggi ini semakin hari semakin hilang dan lenyap dari pandangan mata ekoran dari kerosakan dan perubahan nilai masyarakat terhadap bangunan-bangunan tradisional. Namun begitu, kita agak bernasib baik kerana masih terdapat lagi sisa-sisa peninggalan sejarah ini yang masih kekal walaupun ada di antaranya sudah terlampau lanjut usianya.

Bertepatan dengan matlamat yang membina ini, maka kajian warisan senibina diperkenalkan kepada pelajar-pelajar senibina Yang juga selaku generasi muda yang sedang hangat mengikuti